

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai jumlah peruntukan di bawah peruntukan kawasan Parlimen dan projek mesra rakyat (PMR) yang dipohon oleh ahli Parlimen dan diluluskan mengikut setiap kawasan Parlimen.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peruntukan kawasan parlimen disalurkan terus oleh ICU JPM kepada Pejabat Kawasan Parlimen secara berfasa. Sebarang permohonan dan kelulusan projek/program diurus dan diselaraskan oleh Pusat Khidmat Kawasan Parlimen dengan berpandukan Garis Panduan Pengurusan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri Untuk Kawasan Parlimen Bil.1/2020.

2. Bagi peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) sehingga 7 Julai 2020, sebanyak 2,001 permohonan telah dipohon dengan jumlah peruntukan diluluskan adalah RM44.1 Juta.

Sekian, terima kasih.